



Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika sidang media harian pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bangunan Perdana Putra hari ini. - Foto BERNAMA

Bekalan barang keperluan mencukupi - Ismail Sabri

Oleh Rohaniza Idris dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnew@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan memberi jaminan bekalan barang keperluan mencukupi dan mampu menampung permintaan semasa.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata berdasarkan laporan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), bekalan barangan keperluan asas pengguna mencukupi.

"Bahagian Penguat Kuasa sentiasa menjalankan penguatkuasaan untuk memantau 25 jenis bekalan serta bertindak menangani isu-isu pembekalan melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Semalam, penguat kuasa KPDNHEP membuat pemantauan harian di 1,021 pemeriksaan premis perniagaan termasuk peruncit (785), pemborong (205) dan pengilang (31).

"Kerajaan berharap pihak pengeluar, pengedar, pemborong dan pasar raya sentiasa memberi kerjasama dalam memastikan pembekalan barangan keperluan asas pengguna mencukupi dan melaporkan sebarang masalah kekurangan bekalan barangan kepada KPDNHEP untuk tindakan selanjutnya," katanya pada sidang media selepas mesyuarat menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Putrajaya, hari ini.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678653/bekalan-barang-keperluan-mencukupi-ismail-sabri>

